

Headline	Untung RM273 juta jual tenaga solar		
MediaTitle	Harian Metro (Timur)		
Date	17 Jul 2018	Language	Malay
Circulation	7,330	Readership	21,990
Section	News	Page No	65
ArticleSize	190 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 16,734		



Untung RM273 juta jual tenaga solar

Chukai: Anak syarikat Terengganu Inc, Eastern Pacific Industrial Corporation Berhad (EPIC), dijangka memperoleh keuntungan RM273 juta hasil penjualan tenaga solar kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) selama 21 tahun.

Menteri Besar Terengganu Dr Ahmad Samsuri Mokhtar berkata, EPIC melabur RM86 juta untuk membina sistem tenaga solar di atas tanah seluas kira-kira 28 hektar di kawasan Perindustrian Telok Kalong, dekat sini, dan jangkaan keuntungan tahunan diperolehi adalah RM13 juta.

Katanya, sistem tenaga solar berskala besar yang mampu menghasilkan 18.5 megawatt (MW) tenaga elektrik itu mampu memberi manfaat kepada sistem bekalan elektrik secara langsung selepas dijana daripada sumber alam.

“Tenaga elektrik yang dihasilkan melalui sistem tenaga solar itu dapat menam-

pung bekalan elektrik sebahagian kilang perindustrian di kawasan Telok Kalong.

“Teknologi itu juga mampu memacu pertumbuhan ekonomi apabila inovasi dalam bidang itu dapat diguna pakai bukan sahaja dalam industri malah membawa manfaat kepada pengguna tenaga,” katanya selepas melancarkan Loji Janakuasa Tenaga Solar Berkapasiti 18.5 MW di sini, semalam.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan EPIC, Noor Fadzil Mohamed Nor.

Dr Ahmad Samsuri yang juga Pengerusi Lembaga Penganjur EPIC berkata, EPIC melalui syarikat kerjasama EPIC Solar Sdn Bhd memperoleh lantikan daripada Suruhanjaya Tenaga untuk melaksanakan projek itu.

Katanya, bekalan elektrik yang dihasilkan daripada sistem tenaga solar itu akan dijual kepada TNB dalam tempoh 21 tahun.



DR Ahmad Samsuri (dua dari kanan) menyempurnakan gimik perasmian pada majlis Pelancaran Rasmi Loji Janakuasa Tenaga Solar Berkapasiti 18.5 MW di Telok Kalong.